

178 pelajar B40 UMS terima bantuan kebajikan

UB 18.11.2017 A12

KOTA KINABALU: Seramai 178 pelajar baharu B40 Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima bantuan kebajikan.

Naib Cancellor UMS Prof. Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, bantuan berjumlah RM99,000 itu diagih-agihkan kepada pelajar berkenaan yang masing-masing menerima RM556.18.

“Bantuan ini sebagai dorongan dan suntikan semangat kepada para pelajar supaya mereka berusaha lebih gigih dan seterusnya mencapai kejayaan cemerlang dalam akademik serta pembangunan sahsiah diri.

“Kita juga berharap bantuan itu sekurang-kurangnya dapat membantu pelajar baharu B40 untuk memulakan kehidupan sebagai pelajar tahun pertama di UMS,” katanya pada Majlis Penyampaian Bantuan Kebajikan dan Ramah Mesra Pelajar B40 bagi Sesi 2017/2018.

Majlis penyampaian bantuan itu disempurnakan Penasihat Yayasan Nur Jauhar



NORLIDAH (empat dari kiri) menyampaikan bantuan kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan Kamarudin (tiga kiri).

Toh Puan Norlidah RM Jasni di Bangunan Cancellor UMS, pada Khamis.

Turut menerima bantuan, sembilan pelajar yang dilanda musibah terdiri daripada enam pelajar dari Kota Belud manakala tiga lagi dari Pulau Pinang.

Menurut Kamarudin, keberkesanan kaedah digunakan oleh UMS

mengenal pasti calon pelajar dan seterusnya menyampaikan surat tawaran kemasukan kepada pelajar dari rumah ke rumah, telah berjaya menawarkan 100 tempat bagi setiap sesi akademik bermula 2013.

“Pada tahun ini, iaitu bagi sesi 2017/2018, sebanyak 200 tempat telah ditawarkan dan seramai 178 pelajar

telah mendaftar pada bulan September lalu.

“Sehingga kini, jumlah pelajar B40 yang berdaftar di UMS adalah seramai 359 pelajar.

“Sehubungan itu, 84 pelajar B40 bagi sesi 2014/2015 akan bergraduat pada Konvokesyen UMS ke-19 pada 18 hingga 20 November ini,” katanya.



NORLIDAH (depan, tengah) bergambar kenangan bersama pelajar yang akan menerima bantuan.